

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO¹ HUSSEIN ONN, SELAKU YANG
DIPERTUA PERSATUAN BULAN SABIT
MERAH DI MAJLIS PENYAMPAIAN
SIJIL-SIJIL "MILLION DOLLAR
CLUB" DI HOTEL EQUATORIAL,
KUALA LUMPUR, PADA HARI KHAMIS,
13HB. APRIL, 1978, JAM 4.00PETANG.

Yang Mulia Tunku Tan Sri Muhamed,
Pengerusi Kebangsaan, dan

Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Bulan Sabit
Merah Malaysia.

Getamu² khas dari Australia dan Geneva

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Majlis petang ini amatlah besar
maknanya kepada Persatuan Bulan Sabit
Merah Malaysia. Dengan penerimaan kumpulan
pertama seramai 69 orang sebaqai ahli
kepada "Million Dollar Club", bersama-sama

sumbangan derma mereka berjumlah \$105 ribu sebagai permulaan, membuktikan hasil kejayaan yang boleh dicapai dalam masa lima tahun yang akan datang.

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kumpulan pertama ini, yang telah sudi dan bermurah-hati menyahut seruan ihsan Persatuan ini, menjayakan projeknya yang besar itu. Minat yang telah ditunjukkan oleh 63 orang ini, sesungguhnya telah memberi

perangsang serta meningkatkan lagi semangat pegawai dan ahli Persatuan, untuk berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi bagi menjayakan hasrat ini sebagai kenyataan. Saya harap semangat yang telah ditunjukkan oleh 69 pelupor "Million Dollar Club" ini, akan menjadi contoh yang baik kepada yang lain serta menggalakkan lebih ramai lagi ahli-ahli dermawan tanahair, tempat kehadiran menjadi ahli "Million Dollar Club" ini.

3. Saya sungguh merasa bangga dengan sikap murah-hati ahli-ahli kumpulan pertama

ini, yang sentiasa meletakkan perasaan simpati dan belas-ihsan terhadap usaha dan kerja baik membantu orang-orang susah dan yang dalam kemalangan. Sebuah negara yang sedang membangun, seperti Malaysia, memerlukan rakyat yang mempunyai perasaan dan sikap kemanusiaan, bagi membolehkan khidmat seperti ini dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Saya menggesa semua pihak supaya ditingkatkan lagi semangat dan dayausaha, membantu golongan yang kurang bernasib baik, yang lemah dan yang susah, agar mereka dapat menikmati keadaan hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Ladies and Gentlemen.

4A

3A. Today's occasion has a special meaning for the Malaysian Red Crescent Society. Sixty-nine people have accepted membership in the "Million Dollar Club" and they have donated a total of 105 thousand dollars. This augurs well for the Society in its efforts to achieve even more over the next five years.

3B. I would like to express my sincere appreciation to this first group of people who have responded to the call

..4B/-

by the Society to help it achieve its objectives. The support and the interest shown by these 69 people, give strong encouragement to the officers and members of the Society to increase their efforts. I hope that the example that is shown by the sixty nine pioneers of the Million Dollar Club will encourage even more donors to come forward to become members of the Club.

3C. We are proud of the generosity shown by the first group of members of


..4C/-

the Club, They have demonstrated their sympathy and support for activities which are directed towards helping the unfortunate Malaysians who are in need of assistance.

The presence of people who care and have a sense of compassion for the less fortunate is essential for a developing country like Malaysia. The support of such people can ensure the success of voluntary activities such as those undertaken by the Society.

I urge all Malaysians to renew their efforts

to assist those who are less fortunate
and those who need our assistance
so that they may have a better life.



..5/-

4. Sebagaimana kita sedia maklum, peranan Persatuan ini menjadi semakin meluas dengan pesatnya kemajuan di negara kita. Sejak tertubuhnya Persatuan ini di tanah air kita lebih 25 tahun yang lalu, Persatuan dan ahli-ahlinya, telah menjalankan perkhidmatan yang amat cemerlang bagi memenuhi keperluan setiap peringkat masyarakat kita, terutama dalam masa-masa kecemasan dan mala-petaka. Persatuan juga berusaha dengan sedaya-upayanya, meningkatkan lagi minat rakyat untuk menyertai segala kegiatan-kegiatannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Saya sukalah mengambil kesempatan ini, mengucapkan tahniah kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, yang telah dikurniakan dengan "Nansen Medal and Certificate" di atas khidmat cemerlangnya membantu orang-orang pelarian dari Indo-China. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Tunku Tan Sri Mohamed, di atas perlantikannya sebagai salah-seorang Naib Presiden Persatuan Palang Merah Antarabangsa.

9. Kepada semua ahli-ahli Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, saya ucapkan selamat berkhidmat kepada masyarakat dan negara.

Terima kasih.



No Siri 355
No Penerimaan 149/80